

18 JUN 1997

KONSORTIUM PERKAPALAN AKAN LABUR RM100 JUTA DLM IT

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Konsortium Perkapalan Bhd merancang untuk melabur RM100 juta dalam teknologi maklumat (IT) dalam tiga tahun akan datang sebagai usaha untuk mempertingkatkan kelebihan persaingannya di rantau Asia Pasifik.

Pengerusi eksekutif kumpulan Mirzan Mahathir berkata syarikat itu memerlukan sistem IT yang lebih baik kerana kekukuhannya terletak dalam keberkesanan rangkaian pengedarannya.

"Dalam hubungan ini, kami akan terus mencari kaedah-kaedah baru dan inovatif untuk menambah nilai dan terus memperibadikan perkhidmatan yang kami tawarkan," katanya.

Mirzan bercakap kepada pemberita selepas menandatangani kontrak RM4.5 juta dengan SAP Malaysia Sdn Bhd untuk sistem aplikasi perniagaan pelanggan/pengkhidmat SAP R/3 di sini hari ini.

Pembelian sistem itu menjadikannya salah satu daripada pelaburan terbesar Konsortium di dalam IT sehingga kini.

"Ini akan merupakan penubuhan sistem IT logistik bersepadu sepenuhnya yang pertama di negara ini," kata Mirzan.

Di bawah kontrak itu, SAP Malaysia akan membekalkan kepada Konsortium Perkapalan keseluruhan jajaran modul suite SAP R/3 termasuk kewangan, pengurusan bahan, jualan dan pengedaran, penyenggaraan kilang dan sumber-sumber manusia. Perisian itu akan berjalan dengan perkakasan IBM.

Pelaksanaan projek, yang kini dirumuskan, akan merangkumi keseluruhan kumpulan mengandungi 25 buah syarikat.

Sistem itu akan meningkatkan daya keprihatinan kepada pasaran dan mengurangkan masa pemprosesan yang menghasilkan tahap perkhidmatan dan kepuasan pelanggan yang lebih tinggi.

Untuk mencapai wawasan menjadi salah satu pembekal perkhidmatan logistik terkemuka di rantau Asia Pasifik, Mirzan berkata Konsortium Perkapalan kini melihat negara-negara Pasifik Barat di mana terdapat potensi yang besar.

Syarikat itu telah menerokai seberang laut ke negara-negara seperti Thailand, Indonesia, Filipina, China dan India untuk memperolehi pasaran logistik yang berkembang di rantau ini.

SAP Malaysia Sdn Bhd adalah pembekal perisian dan pembekal global terkemuka aplikasi pelanggan/pengkhidmat.

Berpangkalan di Walldorf, Jerman, ia mempunyai hasil sebanyak DM3.72 bilion (RM6.14 bilion) pada 1996. Ia mempunyai lebih daripada 40 anak syarikat di seluruh dunia dengan SAP Asia beribu pejabat di Singapura. --

BERNAMA

DAB OS/sia